



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7 BILANGAN 23

RABU 5 DISEMBER, 1962 (8 Rajab, 1382)

PERCHUMA

KURSUS IMAM2 KHATIB2 BILAL2

DI-BUKA DENGAN RASMI-NYA

KAMPONG AYER BRUNEI. — Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uğama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaluddin bin Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin telah merasmikan pembukaan Kursus Imam2, Khatib2 dan Bilal2 Masjid2 Kampong dalam Daerah Brunei dan Muara di-Mahkamah Shara'iah, Brunei.

Kursus itu di-anjarkan oleh Pejabat Kadhi Besar, Brunei dan dihadiri oleh 15 orang yang terdiri dari Imam2, Khatib2 dan Bilal2 Masjid.

Dalam ucapan-nya Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaluddin berkata bahawa tugas2 Imam2 dan Pegawai2 Uğama ia-lah untuk memimpin dan memandu umat Islam berdamping diri dengan Allah sabagai sa-orang hamba dengan Tohan-nya.

Beliau selanjut-nya menegaskan bahawa tugas Imam2 dan Pegawai2 Uğama itu ia-lah dengan menasihati, mengajar bermuafakat dan memandu umat Islam mengerjakan perintah2 Allah seperti sembahyang dan puasa bukan dengan menunjukan lapar atau berludah2 dihadapan orang ramai sahaja.

TANGGUNG JAWAB

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaluddin menambah bahawa tidak ada sa-siapa juga dapat menafikan betapa berat dan besar-nya tanggungan2 Imam2 dan Pegawai2 Uğama itu terhadap Uğama dan masyarakat melainkan hanya orang2 yang tidak siuman atau orang2 yang tidak mengenal uğama-nya sendiri sahaja yang tidak merasakan-nya.

Sa-lain dari itu, beliau telah juga mengingatkan kepada Imam2, Khatib2 dan Bilal2 supaya patoh kepada Undang2 dan Peratoran2 'Am Kerajaan.

Beliau juga menasihatkan bahawa pemimpin2 harus berhati lapang, berjiwa mulia dan sehat serta banyak bersabar atas segala2 hal.

Turut memberi ucapan dalam upacara tersebut ia-lah Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh.


Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar telah mengucapkan terima kaseh atas kerjasama yang telah di-berikan oleh Pegawai2

yang menjayakan kursus itu. Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar juga berharap supaya ranchangan mengadakan kursus bagi Imam2, Khatib2 dan Bilal2 itu di-anggap sa-bagai

suatu ranchangan yang perlu dan mustahak.

Sementara itu menurut Setia Usaha Kursus Imam2, Khatib2 dan Bilal2 Masjid2 Kampong dalam Daerah Brunei, kursus itu akan di-jalankan sa-lama enam bulan sa-bagai penchubaaan dan

MESJID BAHARU KUALA BELAIT



Bangunan Mesjid baharu di-Kuala Belait yang hampir siap di-bena oleh Kerajaan

Y.T.M. DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA BALEK

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei akan balek dari Persekutuan Tanah Melayu ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari Kamis 6 Disember.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota di-jadualkan tiba di-lapangan terbang Brunei pada pukul 12.50 tengah hari.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota pada masa ini sedang belajar di-Kuala Lumpur bersama2 dengan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkihah serta beberapa orang Putera2 kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli

Pengiran Pemancha, sa-orang putera kepada Timbalan Menteri Besar, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dan dua orang putera kepada Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Putera2 Diraja tersebut juga akan balek ka-Brunei bersama dengan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota untuk berchuti di-Tanah Ayer.

telah di-mulai pada hari Isnin yang lalu.

Ranchangan kursus Imam2, Khatib2 dan Bilal Masjid2 Kampong2 di-Daerah Brunei dalam bulan ini ada-lah seperti di-bawah :

RANCHANGAN KURSUS

Mulai dari 10 Disember hingga 12 Disember ; 8.00 pagi — 9.00 pagi; Bahagian Maruah Pegawai2 Uğama oleh Mufti Kerajaan Brunei, Tuan Haji Ismail. 9.00 pagi — 10.45 pagi: Bacha'an Khotbah oleh Begawan Khatib Haji Metali, Kadhi Daerah Brunei. 10.45 pagi — 11.00 pagi Rehat. 11.00 pagi—12.30 tengah hari; Tafsir Bang dan saumpama-nya oleh Begawan Mudim Haji Adnan, Kadhi Daerah Temburong.

Dari pukul 2.00 petang — 2.30 petang: Hukum2 Sembahyang oleh Pehin Udana Khatib Haji Umar, 2.30 petang — 3.15 petang; Bachaan dalam sembahyang oleh Pehing Tuan Imam Haji Metassim dan mulai dari pukul 3.15 petang hingga ka-pukul 4.00 petang: Bachaan Fatihah dan ayat2 oleh Pehin Siraja Khatib Haji Mohamed Sa'ad.

Perkhemahan Pengakap2

JERUDONG. — Persediaan2 telah pun di-selenggarakan untuk mengadakan Perkhemahan Pengakap2 dari seluruh negeri ini di-kawasan pantai peranginan Jerudong sa-lama tiga hari mulai dari hari Jumaat 7 Disembar, 1962.

Pada tengah hari Jumaat 7 Disember, Pengakap2 yang beruğama Islam akan menghadhiri upacara sembahyang Juma'at di-Mesjid Jerudong.

Satu pertunjukan wayang gambar akan di-adakan di-perkhemahan tersebut pada malam 7 Disember dan pada malam 8 Disember pula akan di-adakan temasha "camp-fire".

Ibu bapa pengakap2 serta orang ramai boleh-lah melawat ka-perkhemahan tersebut pada hari Sabtu 8 Disember dan hari Ahad 9 Disember.

PEPEREKSaan KA-SEKOLAH2 INGGERIS KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan pemilihan murid2 dari Sekolah2 Melayu dan China ka-Sekolah2 Inggeris Kerajaan Brunei akan di-adakan dengan sa-rentak pada hari Sabtu 8 Disember.

Hanya murid2 yang berumur 12 tahun ka-bawah dan lulus peperiksaan darjah empat di-sekolah bahasa masing2 di-benarkan mengambil peperiksaan tersebut.

Peperiksaan itu akan di-ada-

kan di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei; Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei; Sekolah Melayu Muda

Hashim, Tutong; Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria; Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Sa-ramai 684 orang murid2 akan mengambil bahagian dalam peperiksaan tersebut. Daripada bilangan itu 182 orang ia-lah murid2 China.

Menurut keterangan Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Inche Mohamed Husain bin Mohamed Yusof 400 orang murid2 daripada bilangan tersebut akan di-pileh untuk belajar di-Sekolah2 Inggeris Kerajaan di-Bandar Brunei dan Seria, ia-itu Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri Bandar Brunei; Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell, Seria.

Murid2 yang berjaya itu akan di-pileh untuk belajar di-darjah2 permulaan sekolah2 tersebut pada awal tahun hadapan kelak.

PEPEREKSaan SEKOLAH2 MENENGAH MELAYU

BANDAR BRUNEI—Sa-ramai 448 orang penuntut2 Sekolah2 Menengah Melayu dalam Negeri Brunei pada masa ini sedang mengambil bahagian dalam peperiksaan Sekolah Menengah Bahwa. Peperiksaan2 itu telah di-mulai pada hari Isnin 3 Disember dan akan di-teruskan hingga ka-hari Ahad 9 Disember.

Peperiksaan tersebut di-adakan di-empat buah Sekolah Melayu, ia-itu di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei; di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendira, Tutong; di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Demikian menurut keterangan Ketua Nadzir, Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Inche Mohamed Husain bin Mohamed Yusof, kepada wartawan kita.

Inche Mohamed Hussain berkata seterusnya bahawa 448 orang penuntut2 Sekolah2 Menengah dalam Negeri Brunei yang mengambil peperiksaan itu adalah mengandungi penuntut2 darjah tujuh dan delapan.

Penuntut2 darjah delapan yang mengambil peperiksaan tersebut ada-lah mengandungi 54 orang. Semua-nya ada-lah penuntut2 Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Jumlah penuntut2 darjah tujuh yang mengambil peperiksaan di-Sekolah masing2 ada-lah seperti di-bawah ini:

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam — 222

orang. Sekolah Melayu Muda Hashim — 86 orang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin — 67 orang dan Sekolah Melayu Sultan Hassan — 19 orang.



LAWATAN AHLI2 S.J.P.A. KA-PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR. — Ahli2 Surohanjaya Perkhidmatan Awam Brunei yang di-ketuai oleh pengerusi-nya telah tiba di-sini pada 21 November untuk mengadakan perundingan dengan ahli2 Surohanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Ketibaan mereka telah di-sambut oleh Setiausaha Surohanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Inche Ismail bin Abdul Latif dan pegawai2 dari Kementerian Hal Ehwal Luar.

Rombongan yang di-ketuai oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohammad Salleh, pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam Brunei itu berada di-Persekutuan sa-lama 9 hari.

Dalam masa itu mereka melawat Surohanjaya Perkhidmatan Awam di-Kuala Lumpur dan di-Perak, dan juga memerhatikan perjalanan persidangan Parliam-ent.

Mereka telah di-jadualkan kembali dari Persekutuan Tanah Melayu minggu ini.

Gambar di-atas menunjukkan Yang Berhormat Dato Setia Pg. Haji Abu Bakar dalam satu persidangan akhir di-bilik VIP di-bangunan lapangan terbang.

Anekawarna S. M. L. M.

KAMPONG AYER. — Sekolah Melayu Leila Menchanai, di-Kampung Ayer akan menyambut penggal akhir persekolahan tahun ini dengan mengadakan "Malam Aneka Warna" pada malam 10 Disember.

Temasha itu tidak akan di-adakan di-sekolah tersebut akan tetapi di-adakan di-sa-buah pentas yang di-bena di-kawasan berhampiran dengan kawasan tempat Pancharagam Pulis Brunei di-Bandar Brunei.

Peraduan2 yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah sharahan, membaca sajak dan nyanyian. Semua-nya itu adalah terbuka kepada murid2 Sekolah Melayu Leila Menchanai sahaja.

Sa-lain dari itu akan di-adakan persembahan nyanyian2 sukaramai, tarian2 lakonan pendek, dan lain2-nya.

WARTAWAN MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Inche Abdul Samad bin Idris, sa-orang wartawan dari Persekutuan Tanah Melayu telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan beliau ka-wilayah2 Borneo untuk mengumpul bahan2 mengenai Persekutuan Melayu Raya.

Sa-lain daripada menjadi wartawan, Inche Samad juga ia-lah sa-orang Ahli Majlis Meshuarat Negeri Sembilan.

BALEK DARI MALAYA

BERAKAS. — Pegawai Pertanian Negara Brunei, Inche Hamidoon bin Awang Damit telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Persekutuan Tanah Melayu pada 24 November.

Inche Hamidoon telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Rabu 21 November untuk memileh sa-orang Jurutera Parit dan Tali Ayer daripada beberapa orang dari Persekutuan Tanah Melayu yang telah memuhonkan jawatan itu.

BAKAL2 HAJI

BANDAR BRUNEI. — Semua bakal2 jema'ah Haji Brunei yang akan menunaikan fardhu haji dalam tahun 1963 dengan kapal pertama dan kedua di-minta datang ka-Pejabat Hal Ehwal Uagama Brunei dengan saberapa segera bagi menetapkan kedudukan mereka dalam kapal2 haji itu.

Perkara tersebut ia-lah kerana bilangan penerimaan bakal2 jema'ah2 haji telah di-tentukan oleh Pegawai Kawalan Haji Persekutuan Tanah Melayu.

GURU2 BALEK DARI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

BERAKAS. — Sa-ramai 22 orang penuntut2 Brunei yang belajar di-Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan dan sa-orang penuntut yang belajar di-Maktab Perguruan Perempuan Melayu di-Durian Daun, Melaka telah balek ka-Brunei pada hari Juma'at yang lalu.

Sembilan orang daripada penuntut2 yang belajar di-Maktab Perguruan Kota Baharu akan mengajar di-sekolah2 dalam negeri ini pada awal tahun hadapan dan baki-nya akan balek ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk meneruskan latihan di-maktab2 tersebut sa-telah berchuti di-Negeri Brunei.

Di-antara orang2 yang datang ka-Lapangan Terbang Brunei untuk menyambut penuntut2 tersebut ia-lah Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Inche

PENYAKIT TA'UN TIDAK ADA DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Perkhidmatan Pentadbiran Kesehatan Negeri Brunei telah menyangkal satu berita yang menyatakan bahawa kejadian penyakit ta'un berlaku di-Brunei baharu2 ini.

Berita itu telah di-siarkan oleh Radio Australia dalam siaran warta berita-nya pada pagi 22 November, 1962 yang berkata bahawa warty penyakit ta'un itu telah berlaku di-negeri ini.

MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Persekutuan Tanah Melayu, Inche Ahmad Noordin bin Haji Mohamed Zain telah melawat ka-Negeri Brunei pada 22 November sa-lepas melawat ka-Negeri Sarawak.

Dalam masa lawatan ka-Negeri Sarawak, Inche Ahmad Noordin telah mengadakan per-inoichangan2 dengan Pegawai2 Penerangan di-Kuching mengenai perkara Jabatan Penerangan. Beliau telah berlepas ka-Jesselton dengan kapal terbang pada 24 November.

Di-antara Pegawai2 Kerajaan yang telah menguchapkan selamat jalan kepada Inche Ahmad Noordin di-Lapangan Terbang Brunei ia-lah Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain dan Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Negeri Brunei, Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

Sa-orang juruchapak Jabatan Kesehatan Negeri Brunei menegaskan mengenai perkara tersebut bahawa penyakit ta'un yang di-katakan itu hanya telah berlaku di-Daerah Ulu Serian di-bahagian pertama Negeri Sarawak.

Daerah Serian itu sudah pun di-ishtiharkan sa-bagai satu kawasan yang berjangkit oleh Yang Berhormat Menteri Besar Brunei di-sebabkan penyakit ta'un itu.

Kejadian penyakit ta'un yang menyerang Daerah Serian sudah pun di-sahkan dalam sa-puchok kawat yang di-kirinkan oleh Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia di-Geneva yang kata-nya bahawa empat kejadian di-beritakan telah berlaku di-mana dua di-antara yang menjadi mangsa itu terkorban.

Juruchapak Jabatan Kesehatan Negeri berkata lagi bahawa memandang kepada wilayah Sarawak sebagai negara tetangga, maka langkah berjaga2 telah pun di-ketatkan dalam negeri ini untuk mengelakkan dari merebak-nya penyakit yang marabahaya itu.

Ubat suntikan penyakit ta'un

itu telah pun di-minta dari Persekutuan Tanah Melayu dan hingga ka-masa ini sa-banyak 10,000 c.c. ubat itu sudah di-kirinkan ka-Brunei untuk menambahkan bekalan simpanan 5,000 c.c. ubat itu yang ada dalam simpanan Jabatan Kesehatan Negeri Brunei.

Ubat penyakit ta'un itu sudah pun di-bahagikan kepada semua pusat kesehatan di-dalam negeri ini untuk menyenangkan pekerjaan menyuntik kepada penduduk sa-lagi bahaya penyakit ta'un itu mengancam di-Negeri Brunei.

Seterus-nya juruchapak Jabatan Kesehatan Negeri Brunei itu berkata lagi bahawa ubat2 penyakit ta'un yang ada di-dalam simpanan sekarang ini boleh memberi bekalan kepada 50,000 orang dengan segera.

TAMAT LATEHAN

BERAKAS — Empat orang Pegawai2 Pemereksa Luar di-Jabatan Pertanian Negeri Brunei telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Persekutuan Tanah Melayu pada hari Sabtu yang lalu.

Mereka ia-lah Inche Mohamed Zain bin Jeludin, Inche Nor Said bin Mohamed Zain, Inche Karim bin Haji Kahar dan Inche Panjang bin Lani.

Semua-nya itu telah tamat menghadiri kursus sa-lama enam bulan dalam jurusan rancangan perpindahan kemajuan luar bandar di-beberapa buah negeri di-Persekutuan Tanah Melayu.

KEMBALI BERLATEH

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 20 orang parajurit2 Askar Melayu Brunei dari rombongan yang pertama telah belayar ka-Labuan dengan kapal "Muara" pada pagi 26 November dalam perjalanan ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk melanjutkan latehan sa-telah berchuti di-Brunei sa-lama lebeh kurang sa-bulan.

Sabelum parajurit2 itu menaiki kapal "Muara," Yang Mulia Begawan Mudim Haji Adnan, Kadhi Daerah Temburong telah membachakan do'a selamat.

Sa-baik sahaja kapal itu bertolak dari Tambatan Kastam Di-

raja Yang Mulia Mudim Haji Yusof telah menyuarakan azan.

Ramai keluarga dan sahabat handai parajurit2 itu telah menghantarkan mereka di-Tambatan Kastam di-sini pada pagi hari tersebut.

ANEKAWARNA SMJA-RIF

BANDAR BRUNEI — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, dan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah akan mengadakan satu temasha "Malam Aneka Warna" pada 14 Disember.

Temasha itu akan di-adakan di-kawasan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam mulai pada pukul 7.30 malam hari tersebut.

Peraduan2 yang akan di-adakan di-temasha "Malam Aneka Warna" itu ada-lah saperti di-bawah ini:

(a) Peraduan membacha sajak terbuka kepada orang2 dewasa di-seluruh Negeri Brunei.

(b) Peraduan lakonan pendek terbuka kepada murid2 Sekolah2 Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

(b) Peraduan pakaian bera-gam terbuka kepada murid2 sekolah2 tersebut.

Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah akan mempersembahkan sa-buah tablo bertajok, "Kembali ka-peribadi bangsa."

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam pula akan mempersembahkan sa-buah pintomin bertajok, "Tangisan pertiwi", di-temasha tersebut.

Sa-lain dari itu, murid2 dari sekolah2 tersebut akan mempersembahkan nyanyian2 dan tari-

an2 sukaramai, manakala hiasan musik akan di-selenggarakan oleh Puspa Ragam Orkest di-bawah pimpinan Inche Ibrahim Yahya.

Orang2 dewasa yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam peraduan membacha sajak boleh-lah memilih salah satu daripada sajak2 yang di-bawah ini:

(a) Tangisan terjajah oleh Yura Halim. (b) Jangan Membisu oleh Mohamed Zain. (c) Garis oleh Adikelana. (d) Keperchayaan oleh Yahya M.S. (e) Persidangan oleh Adimarhaen dan (f) Warisanku oleh Badarudin H.O.

Segala permohonan masuk bertanding dalam peraduan membacha sajak hendak-lah di-alamatkan kepada Jawatan Kuasa "Malam Aneka Warna" di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei sa-belum hari Kamis 6 Disember.



Satu pemandangan di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada petang 28 November sa-waktu parajurit2 Askar Melayu Brunei balek ka-Tanah Ayer untuk berchuti.

PARAJURIT BERCHUTI

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 24 Disember untuk meneruskan latehan di-Perkhemahan Sigin-ting, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Chuti Sekolah

BANDAR BRUNEI. — Kelepasan Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan di-mulai pada hari Ahad 16 Disember dan akan di-buka sa-mula pada hari Rabu 2 Januari.

Kelepasan Maktab Perguruan Melayu Brunei ada-lah sama saperti kelepasan Sekolah2 Melayu.

Parajurit2 itu, mengandongi 5 orang kopral dan 7 orang pribet telah berangkat dari Port Dickson ka-Singapura dengan jalan darat dan dari Singapura mereka telah belayar ka-Labuan dengan kapal "Keningau."

Mereka di-jadualkan balek ka-Persekutuan Tanah Melayu pada

KAPAL "SEA SEARCH" TIBA BULAN FEBRUARI

SERIA.—Beberapa penembakan lagi untuk Sharikat2 Shell di Laut China Selatan akan di-mulai pada permulaan tahun hadapan, dan penyukatan di-laut akan di-jalankan oleh sa-buah perusahaan kontraktor seismik Amerika Sharikat yang terkenal, ia-itu Persharikatan Geophysical Services.

Perusahaan ini telah menjalankan pekerjaan seismik di-seluruh dunia.

Sa-bilangan steshen2 di-pantai akan di-pasang untuk tempatan radio bagi kedudukan kapal persharikatan tersebut sendiri yang bernama, "Sea Search."

Kapal "Sea Search" itu sekarang bertugas di-Telok Parsi dan ia di-jangka sampai di-perayaan Borneo dalam bulan February tahun hadapan.

Berhubung dengan perkara tersebut, Ketua Penyelidikan Sharikat Minyak Shell, Inche A. Jackson berkata bahawa penyukatan seismik itu akan di-mulai di-laut Sarawak, kemudian akan di-lanjutkan ka-laut Sabah dan Brunei.

Beliau berkata lagi bahawa usaha mencari minyak yang akan berupa penggalan minyak

ada-lah terbahagikan kepada dua peringkat ia-itu:

(a) Lengkongan bahagian2 terpilih yang mempunyai lebih banyak perinchian daripada daerah2 yang sudah "di-tembak" dalam tahun 1954 hingga ka-tahun 1956.

(b) Tambahan penyelidikan di-belakang kawasan2 yang meliputi pada masa yang sudah.

Perbincangan2 mengenai rancangan yang telah di-chadangkan itu telah di-jalankan baharu2 ini dalam masa lawatan Inche W.A. William sa-orang wakil Persharikatan Geophysical Services ka-Seria.

"Sea Search" itu ada-lah sa-buah kapal yang khas di-robah dari bekas kapal rumah sakit dari Angkatan Laut Amerika Sharikat.

Berat kapal itu ia-lah 160 tan

dan panjang-nya ia-lah 176 kaki.

Kapal itu ada-lah di-lengkapi dengan kelengkapan2 yang paling baru untuk pekerjaan seismik di-laut. Termasuk juru2 teknik, kapal2 itu ada-lah mempunyai tambahan kaki tangan 20 orang sa-lain dari anak2 kapal.

Dua buah alat2 radar yang sama ada-lah di-gunakan oleh Persharikatan Geophysical Services itu untuk pemasangan yang tepat kedudukan "Sea Search" apabila ia "Menembak" di-laut.

Alat2 tersebut di-ketahui sebagai "Shoran" dan "Raydist" dengan alat yang tersebut kemudian tadi di-pakai apabila berkenaan dengan jarak yang lebih jauh.

Steshen2 pantai dengan alat perkakas radar yang di-perlukan akan di-tempatkan lebih kurang 30 batu jarak jauh-nya.

Penyukatan seismik telah lama di-gunakan di-darat untuk mempertunjak keadaan batu2 di-dalam tanah kepada juru2 kaji perut bumi.

Letupan2 kecil di-letupkan tidak berapa jauh di-bawah permukaan bumi dan alat merekod menyukat getaran2 yang menggeta balek.

Letupan kecil di-tembakkan di-laut tidak jauh di-bawah permukaan ayer. Tiap2 satu daripadanya menchipta panchutan ayer yang sungguh istimewa kerana bagi kepentingan teknikal kebanyakan dari daya tenaga dilepaskan oleh letupan itu mesti memecahkan paras muka, kerana akibat-nya di-bawah perayeran ada-lah kecil.

Bagaimana pun, ia-nya ada-lah menchiukopi untuk alat "geophones" yang sangat halus itu yang di-gunakan bekerja mengambil getaran2 yang digemakan dari batu2 di-bawah.

Demikian itu rekod tadi menghasilkan rajah yang kelihatan seperti lintang-pukang yang memberikan sa-buah gambaran bentuk susunan batu di-bawah dasar laut kepada ahli2 kaji bumi.

SIARAN RADIO BRUNEI BAHAGIAN MELAYU

Rancangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu mulai dari 5 Dis. hingga 11 Dis. ada-lah seperti berikut:—

RABU — 5 DISEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran
6.45 Lagu2 Hiboran Pagi Hari
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya
Warta Berita

7.05 Perminta'an Sambil Sarapan

7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Hiboran

12.45 Halaman Perbincangan —

Rakaman BBC London

Tanda Waktu dan Warta

Berita

1.15 Lagu2 Rampaian

1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.

7.02 Hiboran

7.15 Permintaan Pancharagam —

Penerbit Othman Kamaruddin

Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Dk. Intan

8.30 Tanda Waktu dan Warta

Berita

9.45 Cherita Pendek — Penerbit

Dk. Intan

8.59 Siaran Melayu Tammat

KAMIS 6 DISEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera

6.32 Bacha'an Al-Koran

6.45 Lagu2 Hiboran

7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya

Warta Berita

7.05 Perminta'an Sambil Sarapan

7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Lagu2 Nyanyian Kamariah

12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — Rakaman BBC London

1.00 Tanda Waktu dan Warta

Berita

1.15 Lagu2 rampaian

1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.

7.02 Bacha'an Al-Koran

7.15 Kursus Al-Koran—Oleh Tuan

Haji Khalidi

7.45 Sharahan Ugama

8.00 Lagu2 Masir

8.15 Sejarah Islam

8.30 Tanda Waktu dan Warta

Berita

8.45 Tafsir Al-Koran—Oleh Ustaz

Salleh Haji Abdul Majid

8.59 Siaran Melayu Tammat

JUMA'AT — 7 DISEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera

6.32 Bacha'an Al-Koran

6.45 Lagu2 Hiboran

7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya

Warta Berita

7.05 Perminta'an Sambil Sarapan

7.30 Rehat

9.00 Selamat Sejahtera

9.02 Bacha'an Al-Koran

9.15 Lagu2 Melayu Asli

9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara

— Oleh Pa'Ngah

Jamatul Anashid —

Pimpinan Abd. Kadir

Awang

10.00 Lagu2 Berupa Tanpa

Nyanyian

10.15 Rengkasannya Warta Berita

10.20 Hiboran

10.29 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Mimbar Islam—Sembahyang

Juma'at Di-Masjid Omar Ali

Saifuddin, selepas itu di-ikuti

Dengan Lagu2 Masir

12.45 Asohan wanita — Dk. Intan

1.30 Tanda Waktu dan Warta

Berita

1.45 Hiboran Penutup

2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.

7.02 Hiboran Pembuka'an

7.15 Bahasa dan Kesusasteraan

7.30 Lagu2 Aneka Tempo

7.45 Zaman Kebudayaan Batu Di-

Malaysia

8.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh Dk. Intan

8.30 Tanda Waktu dan Warta

Berita

8.45 Hiboran Akhir

8.59 Siaran Melayu Tammat

SABTU — 8 DISEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera

6.32 Bacha'an Al-Koran

6.45 Hiboran

7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya

Warta Berita

7.05 Perminta'an Sambil Sarapan

7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Hiboran

12.45 Asohan Wanita

1.00 Tanda Waktu dan Warta

Berita

1.15 Lagu2 Rampaian

1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.

7.02 Lagu2 Hiboran

7.15 Majallah Melalui Udara

7.30 Lagu2 Jenaka

7.45 Penjajahan Di-Asia Tengah

— Rakaman VOA

8.00 Lagu2 America Selatan —

(Tanpa Nyanyian)

8.15 Latar Belakang — Rakaman

BBC London

8.30 Tanda Waktu dan Warta

Berita

8.45 Hiboran Malam Ahad

8.59 Siaran Melayu Tammat

AHAD — 9 DISEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera

6.32 Bacha'an Al-Koran

6.45 Lagu2 Hiboran

7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya

Warta Berita

7.05 Perminta'an Sambil Sarapan

7.30 Rehat

9.00 Selamat Sejahtera

9.02 Senandung Pagi

9.15 Ruangan Masak2kan —

Zainab Z. Abidin

9.30 Ruangan Apa Khabar —

Zainab Z. Abidin

10.15 Rengkasannya Warta Berita

10.20 Lagu Hiboran

10.29 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Permainan Pancharagam —

Penerbit Othman Kamaruddin

1.00 Tanda Waktu dan Warta

Berita

1.15 Lagu2 Berirama Tango

1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera

7.02 Hiboran Pembuka'an

7.15 Majallah Radio — Penerbit

Othman Kamaruddin

Lagu2 Dari Hawaii

8.00 Bahasa dan Kesusasteraan

8.15 Lagu2 berirama Bion

8.30 Tanda Waktu dan Warta

Berita

8.45 Hiboran Akhir

8.59 Siaran Melayu Tammat

ISNIN — 10 DISEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera

6.32 Bacha'an Al-Koran

6.45 Lagu2 Hiboran

7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya

Warta Berita

7.05 Perminta'an Sambil Sarapan

7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Lagu2 Nyanyian S. Effendy

12.45 Latar Belakang—(S.U)

1.00 Tanda Waktu dan Warta

Berita

1.15 Hiboran Penutup

1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera

7.02 Hiboran

7.15 Cherita Pendek — (S.U.)

7.30 Lagu2 Perminta'an Suka

Ramai — Oleh Zainab Z.

Abidin

8.15 Majallah Sain dan Perusahaan

—Rakaman BBC London

8.30 Tanda Waktu dan Warta

Berita

8.45 Lagu2 Lama dan Baru

6.30 Selamat Sejahtera

8.59 Siaran Melayu Tammat

SELASA — 11 DISEMBER

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera

6.32 Bacha'an Al-Koran

6.45 Lagu2 Senandung Pagi

7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya

Warta Berita

7.05 Perminta'an Sambil Sarapan

7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Lagu2 Perminta'an — Oleh

P. Mohd.

1.00 Tanda Waktu dan Warta

Berita

1.15 Hiboran

1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera

7.02 Hiboran

7.15 Ruangan Pemuda Pemudi —

Zainab Z. Abidin

Pilehan Sendiri — Penerbit

Othman Kamaruddin

8.15 Ilmu Pengetahuan —

Rakaman VOA

8.30 Tanda Waktu dan Warta

Berita

8.45 Cherita Seram

8.59 Siaran Melayu Tammat

Sharikat Minyak Shell Hadiah Pembesar Suara

JERUDONG.—Wakil Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Bandar Brunei, Inche P.A. Coates telah menyampaikan alat2 pembesar suara yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak itu kepada Mesjid Kampong Jerudong pada hari Jumaat yang lalu.

Di-antara para hadirin di-majlis tersebut ialah Pemangku Setia Usaha, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dan Penolong kepada Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar

kan dengan bacaan do'a selamat oleh Imam Mesjid Kampong Jerudong Yang Mulia Awang Ahmad bin Pehin Jawatan Dalam Awang Ismail.


Majlis itu di-pimpin oleh Chegu Abdul Hamid bin Pehin Perdana Indra Haji Zainal, Pengawas, Mesjid Kampong Jerudong.

Mesjid Kampong Jerudong itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara pada 8 Ogos, 1959.

Pemangku Setia Usaha, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah telah mengemukakan terima kasih kepada Sharikat Minyak Shell yang telah menghadiahkan alat2 pembesar suara kepada Mesjid2 dalam Negeri Brunei dan berharap bahawa Sharikat Minyak Shell itu akan menghadiahkan alat2 pembesar suara kepada Mesjid2 dalam Negeri Brunei yang belum lagi mendapat hadiah itu.

Maka dengan hadiah yang diberikan oleh Sharikat Minyak Shell kepada Mesjid2 dalam Negeri Brunei, bermula-lah Sharikat Minyak Shell ada-lah menyokong Perlembagaan Negeri Brunei, bahawa Ugama Rasmi Negeri Brunei ia-lah Ugama Islam, kata Inche Abdul Rahman.

Mudah2an kata lagi beliau, hadiah yang di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell kepada Mesjid2 dalam Negeri Brunei akan di-kenangkan selama2-nya.



Gambar ramai para hadirin di-majlis menyampaikan hadiah alat2 pembesar suara oleh Sharikat Minyak Shell kepada Mesjid Kampong Jerudong.



Inche Jumat bin Haji Aji.

Brunei, Inche Chua Kong Heng.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Inche P. A. Coates bagi pihak Sharikat Minyak Shell Inche Abdul Rahman bagi pihak Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei; Inche Jumat bin Haji Aji, Setia Usaha, Mesjid Kampong Jerudong; dan oleh Inche Ismail Ariff, Setia Usaha, Badan Penerangan, Ugama Islam Negeri Brunei.

Majlis itu di-mulai dengan bacaan kitab suci Alkoran oleh Haji Khalidi dan di-tamat-

INCHE JOHN CABLE MELAWAT BRUNEI

BERAKAS.—Naib Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa Sa-dunia, Inche John Cable dan isteri-nya Puan Shirley telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama dua puluh empat jam dalam minggu yang lalu sa-lepas menghadiri Kongres Dewan Belia Antara Bangsa Sa-dunia kali yang ka-17 di-Hong Kong.

Mereka telah tiba di-sini dengan kapal terbang dari Kuching melalui Labuan pada tengah hari Jumaat 30 November dan telah berlepas ka-Jesseltan pada tengah hari Sabtu.

Inche John Cable dan isteri-nya telah di-sambut di-lapangan terbang Brunei oleh Naib Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa Bandar Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Inche Leo Owen, Setia Usaha, Dewan Belia Antara Bangsa, Kuala Belait; Pegawai2 dan ahli2 Dewan Belia Antara Bangsa di-Bandar Brunei.

Pada malam 30 November, Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei telah meraikan Inche John Cable dan isteri-nya

di-satu majlis jamuan makan.

Dalam ucapan-nya di-majlis jamuan tersebut Inche John Cable telah mengemukakan tahniah kepada Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei yang telah berjaya melaksanakan satu te-bulan Oktober yang lalu untuk masha pasar perdagangan dalam mengutip derma bagi membantu badan2 kebajikan dalam Negeri Brunei.

Inche John Cable berharap agar-nya pertubuhan itu akan dapat menjayakan beberapa projek yang berfaedah kepada masyarakat pada masa hadapan kelak.

Pengerusi majlis itu, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah mengemukakan "Selamat Datang ka-Brunei" kepada Inche John Cable dan isteri-nya sambil berharap bahawa sa-moga lawatan mereka ka-negeri ini akan dapat mengukuhkan perpaduan yang rapat lagi di-antara Pegawai2 serta ahli2 Dewan Belia Antara Bangsa di-negeri ini dengan Naib Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa Sa-dunia itu.

Ini-lah kali yang kedua Inche John Cable melawat ka-Negeri Brunei dan pertama kali bagi isteri-nya. Kali yang pertama Inche Cable melawat ka-negeri ini ia-lah dalam bulan Februari tahun ini.

Pada pagi hari Sabtu 1 Disember, Inche John Cable dan isteri-nya telah menemui Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un di-pejabat beliau. Mereka telah di-iringi oleh Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

Terlebih dahulu pada pagi hari tersebut pelawat2 itu telah melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin, ka-tempat pertukangan perak dan ka-lain2 tempat dalam kawasan Bandar Brunei.

TARIKH2 PELAYARAN KAPAL HAJI

BANDAR BRUNEI.—Kapal Haji, "Kuala Lumpur" akan berulang alek di-antara Singapura, Port Swettenham, Pulau Pinang, Eden dan Jeddah tiga kali dalam tahun hadapan. Tarikh pelayaran-nya ada-lah seperti di-bawah ini :

Pelayaran yang pertama: Belayar dari Singapura pada 20 Januari, Port Swettenham pada 21 Januari, Pulau Pinang pada 22 Januari, dan Eden pada 2 Februari. Kapal itu akan sampai di-Jeddah pada 5 Februari.

Pelayaran yang kedua: Belayar dari Singapura pada 26 Februari, Port Swettenham pada 27 Februari, Pulau Pinang pada 28 Februari dan Eden pada 11 Mach. Kapal itu akan sampai di-Jeddah pada 14 Mach.

Pelayaran yang ketiga: Belayar dari Singapura pada 4 April, Port Swettenham pada 5 April, Pulau Pinang pada 6 April dan Eden pada 17 April. Kapal itu akan sampai di-Jeddah pada 20 April.

Menurut Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Pesuruh Jaya Haji

Haji, "Kuala Lumpur" akan berulang alek di-antara Singapura, Port Swettenham, Pulau Pinang, Eden dan Jeddah tiga kali dalam tahun hadapan. Tarikh pelayaran-nya ada-lah seperti di-bawah ini :

di-Mekah tidak akan melayan permohonan2 yang hendak balek awal dari giliran mereka, melainkan mereka mendapat sokongan dari Pegawai Perubatan menyatakan bahawa jema'ah Haji itu wajib balek kerana kesihatan atau pun mendapat sokongan daripada Pega-

wai Kawalan Haji, Persekutuan Tanah Melayu.

Bakal2 jema'ah Haji ada-lah di-nasehatkan supaya memberi tahu dengan seberapa segera kepada Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei nama mereka serta nama keluarga mereka seperti suami atau isteri, ibu bapa dan anak2 mereka yang hendak belayar ka-Jeddah dengan satu kumpulan supaya pass mereka akan dapat di-sediakan dengan mengikut keluarga masing2.

Peraduan Bermain Gambus

JERUDONG.—Peraduan2 bermain gambus dan biola ialah di-antara peraduan2 terbuka kepada orang2 dewasa yang akan di-adakan di-temasha "Malam Aneka Warna" Sekolah Melayu Jerudong.

Malam Aneka Warna sekolah tersebut akan di-adakan pada malam 10 Disember sa-bagai sam-

butan penggal akhir persekolahan.

Sa-lain daripada itu di-antara lain2 peraduan yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah peraduan2 nyanyian, lawak jenaka dan pakaian beragam terbuka kepada orang2 dewasa yang tinggal di-Kampong Jerudong, serta peraduan nyanyian terbuka kepada murid2 lelaki dan perempuan sekolah itu.

ANEKAWARNA S. M. GADONG

GADONG. — Sekolah Melayu Gadong akan mengadakan "Malam Aneka Warna" pada malam 15 dan 16 Disember sa-bagai menyambut akhir penggal persekolahan tahun ini.

Berbagai2 acara akan diadakan di-temasha tersebut. Di-antara-nya ia-lah persembahan2 tablo oleh murid2 sekolah itu dan satu lagi tablo oleh orang2 dewasa yang tinggal di-Kampung Gadong, serta lawak jenaka oleh Tasim dan rakan2-nya, tarian2 dan nyanyian.

Peraduan2 yang akan di-adakan di-temasha "Malam Aneka Warna" Sekolah Melayu Gadong itu ia-lah peraduan nyanyian lagu2 asli dan baharu terbuka khas kepada penduduk2 Kampung Gadong sahaja, peraduan pakaian beragam juga terbuka khas kepada penduduk2 Kampung Gadong sahaja dan peraduan nyanyian murid2 lelaki dan perempuan sekolah tersebut.

Chawangan Budaya Munchul Di-Pekan Tutong

PEKAN TUTONG. — Satu chawangan pertubuhan kebudayaan dari Persatuan Seni Budaya Melayu, Brunei, telah munchul di-sini apakala perkumpulan beberapa orang penchinta kebudayaan bangsa, di-adakan di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong, pada 11 November yang lalu.

Perkumpulan yang juga di-hadhiri oleh beberapa orang pegawai dari Jawatan Kuasa Tadbir Persatuan Seni Budaya atas jemputan para peranchang chawangan itu telah bersama2 hadir dalam perundingan untuk mengadakan chawangan tersebut.

Kumpulan itu bersetuju sa-buat suara supaya chawangan badan kebudayaan itu di-adakan bagi daerah Tutong.

Sa-belum perundingan di-mulakan, pengerusi sementara penaja chawangan itu, Inche Mahalle bin Haji Abdullah telah menerangkan akan tujuan perhimpunan itu sambil mengalu2kan ke-

datangan pegawai2 Seni Budaya dari Bandar Brunei. Inche Mahalle ia-lah juga salah sa-orang pegawai Jawatan Kuasa Persatuan Seni Budaya.

Yang Dipertua Persatuan tersebut, dalam ucapan-nya mengalu2kan kegiatan penduduk di-sini untuk bersama2 menyombangkan tenaga supaya berkechempong dalam lapangan kebudayaan, telah berkata bahawa jangan-lah hendak-nya chawangan yang di-taja itu akan singkat usia-nya.

Jangan-lah hendak-nya pertanyaan saperti: "mana dia persatuan itu. Kira-nya hidup, di-mana dia; kalau pun mati, mana kubur-nya dan apa pula nisan-nya!" kata beliau sa-bagai menumpukan harapan-nya.

Yang Berhormat Inche Akip bin Imam Abdul Ghani, salah sa-orang penaja chawangan bahagian Tutong itu juga turut berucap waktu itu.

Kata beliau, "kami di-daerah ini bersedia untuk memberi sokongan yang penoh untuk menjayakan chita2 persatuan ini."

Inche Salleh bin Hidup, Penolong Pegawai Daerah Tutong berkata bahawa tertubuh-nya persatuan biar-lah bergerak dan chergas dalam mencapai tujuan2 yang sa-mesti-nya.

"Biar-lah faedah-nya akan dapat di-raba dengan tangan yang kasar dan dapat di-pandang dengan sa-kelip mata," tegas Inche Salleh lagi.

Naib Yang Dipertua Persatuan dalam ucapan-nya sabagai menutup acara perkumpulan hari itu berkata tertubuh-nya chawangan itu biar-lah akan ujud buat sa-lama2nya, bukan saja di-sepanjang hayat kita, bahkan akan menjadi warisan pada masa yang akan datang.

Turut memberi ucapan dalam perhimpunan itu ia-lah juga Pemangku Setia Usaha Setia Usaha Penerangan Perhimpunan Seni Budaya Melayu Brunei.

Anggota2 chawangan Tutong ada-lah saperti berikut:

Ketua chawangan—Yang Berhormat Inche Akip bin Imam Abdul Ghani, Setia Usaha—Inche Salleh bin Hidup, dan tiga orang ahli2 jawatan kuasa.

JAMUAN PERPISAHAN



Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengadakan satu majlis jamuan untuk mengucapkan "Selamat Belayar ka-Tanah Ayer" kepada Awang Hussain bin Dato Paduka Pehin Orang Kaya Di-Gadong dan keluarga-nya pada 17 November. Dalam gambar ini kelihatan Awang Husain sedang memberi ucapan di-majlis tersebut.

PULIS MALAYA BALEK

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu yang pada masa ini sedang berkhidmat di-Daerah Belait akan balek ka-Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan ini sa-telah tamat perkhidmatan mereka.

Pasokan pulis tersebut mengandungi dua orang pegawai2 dan 65 orang anggota ada-lah diketuai oleh Penolong Penguasa Pulis Inche Abdul Aziz bin Abdul Jalil.

Mereka tidak-lah akan di-ganti lagi oleh Pegawai2 dan anggota yang lain dari Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu, kerana bilangan Pegawai2 dan anggota2 Pulis Brunei ada-lah menchukopi untuk mengawal negeri ini.

Pada masa ini 40 orang rekrut2 Pulis Brunei sedang berlatih di-Pusat Latihan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur.

Dua puluh orang akan balek ka-Brunei dalam bulan Januari dan baki-nya pada pertengahan tahun hadapan kelak.

Menurut keterangan Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei, Inche A.N. Outram, Pasokan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu yang kini sedang berkhidmat di-negeri ini akan balek ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan menaiki kapal terbang dari Lapangan Terbang Anduki, Seria pada 30 Disember.

Pegawai2 dan anggota2 Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu telah berkhidmat di-Negeri

Brunei semenjak tahun 1956 dan semenjak masa itu beberapa orang pegawai dan anggota P. Diraja Persekutuan Tanah M. telah balek ka-Persekutuan Tanah Melayu dan di-gantikan dengan pegawai2 dan anggota2 Pulis yang lain pula dari Pasokan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu.

WAYANG GAMBAR KERAJAAN

KUALA BELAIT — Pertunjukan wayang gambar Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei bagi Daerah Belait dalam bulan ini ada-lah saperti di-bawah ini:

8 Disember — Kampung Sungai Liang. 11 Disember — Kelab Melayu Shell, Seria. 12 Disember — Kampung Sungai Lumut. 15 Disember — Padang Kechil, Kuala Belait. 19 Disember — Kampung Sungai Damit, Ulu Belait. 22 Disember — Ibu Pejabat Pulis, Lorong 14, Panaga. 27 Disember — Ibu Pejabat Pasokan Pulis Simpanan Menchegeh Rusohan, 29 Disember — Maktab Anthony Abell, Seria.

Kursus Urusan Rumah Tangga

BERAKAS. — Dua orang ahli Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 28 November untuk berlatih di-Sekolah Latihan Rumah Tangga di-Ipoh, Perak selama enam bulan.

Mereka ia-lah Puan Salmah binti Lamat dari Kuala Belait dan Puan Siti Hawa binti Hashim dari Bandar Brunei.


Puan Salmah dan Puan Siti Hawa telah berjaya memenangi derma siswa Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei dari beberapa orang pemohon.

Mereka telah di-temani oleh Abang Abu Hanifah bin Haji Abang Bujang, sa-orang pegawai dari Jabatan Kemasyarakatan Negeri Brunei untuk menyerahkan penuntut2 tersebut kepada pihak yang berkuasa di-Sekolah tersebut.

Inche MacDonald

BANDAR BRUNEI. — Inche Malcolm MacDonald yang telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen baharu2 ini sa-bagai Gabnor Kenya telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Jesselton pada 20 November.

Beliau telah berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang sa-telah melawat ka-negeri ini sa-lama sa-hari.



Penjaga gol Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong kelihatan dalam gambar di-sa-belah kiri sedang "bekerja keras" di-pintu gol-nya pada masa pemain2 pasukan Sekolah Melayu Muda Hashim menyerbu masuk ke-dalam kubu pertahanan Sekolah Melayu Sultan Hassan. Gambar kanan di-ambil sa-belum di-langsungkan perlawanan bola sepak antara sekolah2 bahagian sa-paroh akhir di-antara Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Temburong di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada petang 29 November.

SEKOLAH MELAYU MUDA HASHIM MENANG PERLAWANAN SA-PAROH AKHIR

TUTONG.— Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendira, Tutong telah berjaya mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong dengan 4 gol berbalas 2 dalam perlawanan sa-paroh akhir bola sepak antara sekolah2 dalam Negeri Brunei bahagian "C" di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada petang hari Kamis 29 November.

Ramai penggemar bola sepak, bukan sahaja dari Daerah Tutong bahkan dari lain2 daerah juga telah menyaksikan perlawanan yang hebat itu.

Sejak sa'at yang pertama perlawanan itu di-mulai pemain2 dari kedua2 pasukan telah bermain dengan bersungguh2 untuk memperolehi gol yang pertama bagi pasukan masing2.

Kemudian pada minit yang ke-14 sa-telah perlawanan itu di-mulai pengadil perlawanan itu, Inche Leong Kim Yui meniupkan suling-nya lebeh lama sa-dikit daripada tiupan kalau bola terkeluar dari garisan dan pada masa itu juga sa-bilangan daripada para penonton telah bertiak dengan perkataan g-o-l dan di-ikuti dengan tepok sarak.

Gol yang pertama itu telah di-dapati oleh Sekolah Melayu Sultan Hassan dan di-jaringkan oleh "bintang bola sepak-nya" — Yakob bin Ampuan Judah, Kapitan pasukan itu.

Sa-lepas Sekolah Melayu Sultan Hassan mengejutkan para penyokong Sekolah Melayu Muda Hashim dengan mendapat satu gol, pemain2 Sekolah Melayu Muda Hashim telah bermain dengan lebeh ranchak lagi dan lima minit kemudian Ahmad Suhaili telah berhasil menjaringkan satu gol bagi pasukan Sekolah Melayu Muda Hashim.

Pada masa berehat Sekolah

Melayu Sultan Hassan mendapat satu gol, manakala Sekolah Melayu Muda Hashim juga mendapat satu gol.

Sapuluh minit sa-telah perlawanan itu di-sambungkan sa-mula penyokong2 Sekolah Melayu Muda Hashim telah bergembira lagi kerana Linap Arun, Kapitan pasukan Sekolah Melayu Muda Hashim telah berjaya menjaringkan satu gol bagi pasukan-nya.

Pada masa itu Sekolah Melayu Muda Hashim mendapat 2 gol dan Sekolah Melayu Sultan Hassan mendapat 1 gol.

• Tidak berapa minit kemudian, Tuah Damit, pemain sayap kiri pasukan Sekolah Melayu Muda Hashim telah menjaringkan satu gol ia-itu gol yang ketiga di-dapati oleh Sekolah Melayu Muda Hashim.

Sa-takat itu Sekolah Melayu Muda Hashim mendapat 3 gol dan Sekolah Melayu Sultan Hassan mendapat 1 gol.

Sa-jurus sa-lepas itu, Limpah Kongpau, sa-orang pemain pasukan Sekolah Melayu Muda Hashim terpaksa berhenti bermain kerana kaki-nya telah "keselalau."

Perlawanan itu di-teruskan dengan 10 orang sahaja bermain bagi pasukan Sekolah Melayu Muda Hashim.

Tiga minit sa-lepas Limpah Kongpau berhenti bermain, Yakob Ampuan Judah telah sa-kali lagi berhasil menjaringkan satu gol bagi pasukan-nya.

Maka dengan gol yang diperolehi itu, Sekolah Melayu Sultan Hassan mendapat 2 gol dan Sekolah Melayu Muda Hashim mendapat 3 gol.

Limpah Kongpau yang keselalau itu telah kembali bermain sa-mula sa-lepas pasukan Sekolah Melayu Sultan Hassan mendapat gol-nya yang kedua.

Empat minit sa-belum tamat perlawanan itu, Rosli Bujang telah menjaringkan satu gol bagi pasukan Sekolah Melayu Muda Hashim.

Sungguh pun, pemain2 kedua2 pasukan telah berusaha hendak menjaringkan gol lagi bagi pasukan masing2 sa-lepas itu, akan tetapi mereka telah tidak berhasil membuat sademikian.

Kesudahan-nya Sekolah Melayu Muda Hashim, wakil Sekolah2 dalam Daerah Tutong telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan, wakil Sekolah2 dalam Daerah Temburong dengan 4 gol berbalas 2 dalam perlawanan bola sepak tersebut.

S. I. S. M. — 7 GOL

S. M. M. H. — 0

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Inggeris Saint Michael, Seria telah mengalahkan Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendira, Tutong dengan 7 gol tidak berbalas dalam perlawanan akhir bola sepak sekolah2 sa-Negeri Brunei, bahagian "C".

Perlawanan itu telah di-adakan di-padang Maktub Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.

Busu Ahmad telah menjaringkan 3 gol, Ibrahim Jalil menjaringkan 3 gol dan Patrick Koh menjaringkan 1 gol bagi pasukan Sekolah Inggeris Saint Michael.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Y.A.M. Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Mohamed.

PERLAWANAN AKHIR BAHAGIAN2 "A" DAN "B"

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan2 akhir bola sepak antara Sekolah2 dalam Negeri Brunei bahagian "A" dan "B" akan di-adakan di-padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Isnin 10 Disember.

Dalam bahagian "A", Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru akan bertemu dengan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Dalam bahagian "B" pula, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait akan bertemu dengan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Sementara itu, menurut satu puncia yang rasmi, sungguh pun Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam telah mendapat satu gol dalam perlawanan akhir yang telah di-adakan pada petang 28 Disember dan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin juga telah mendapat satu gol dalam perlawanan itu, akan tetapi gol2 yang di-dapati oleh sekolah2 itu telah tidak di-kira di-sebabkan perlawanan2 akhir itu akan di-adakan sa-mula pada petang hari Isnin hadapan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha

akan menyampaikan hadiah2 kepada pasukan2 yang berjaya dalam perlawanan2 bahagian "A" dan "B".



Gambar ini di-ambil di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang 28 November sa-belum di-adakan perlawanan akhir bola sepak antara sekolah2 bahagian "A" di-antara Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru dan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam. Perlawanan itu telah tidak dapat di-teruskan kerana hujan lebat telah turun dengan tidak berhenti2. Dalam perlawanan itu Sekolah Melayu S.M.J.A. mendapat 1 gol dan Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru telah tidak mendapat satu gol pun.

35 GURU2 BAHASA INGGERIS DARI SINGAPURA-MALAYA

BERAKAS. — Sa-ramai 35 orang lagi guru bahasa Inggeris yang terlatah dari Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura akan di-pilih untuk mengajar di-Sekolah2 Inggeris Kerajaan Brunei dalam tahun hadapan. Demikian menurut keterangan Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes.

HAKIM BARU BRUNEI

LONDON. — Sa-orang Hakim di-Persekutuan India Barat, Inche Campbell Wylie, Q.C. telah di-lantek sa-bagai Hakim Besar bagi Kehakiman Sarawak, Sabah dan Brunei untuk menggantikan Sir John Ainley yang telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen menjadi Hakim Besar Kenya.

Lantekan Hakim Besar yang baharu itu bagi Kehakiman Sarawak, Sabah dan Brunei telah di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen sa-lepas berunding dengan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan telah di-umomkan pada 28 November, 1962.

Inche Wylie, berumur 57 tahun ia-lah sa-orang bangsa New Zealand dan menjadi sa-orang peguam di-Inner Temple, London.

Sa-lepas berkhidmat dalam Angkatan Tentera di-antara tahun 1941 hingga ka-tahun 1946 beliau telah di-lantek sa-bagai Peguam Kerajaan di-Malaya.

Sa-belum di-lantek menyan-dang jawatan yang baharu itu di-wilayah Borneo, Inche Wylie telah menyan-dang jawatan Peguam Agong di-India Barat.

Bukan Politik

PULAU PINANG. — Persatuan Perkumpulan Perempuan ada-lah sa-buah persatuan yang bukan berchorak politik dan terbuka kepada perempuan2 dari segala bangsa. Demikian kata Puan Zubaidah Ariff, Yang Dipertua, Persatuan Perkumpulan Perempuan, Bahagian Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Puan Zubaidah Ariff menya-takan sa-demikian dalam Meshuarat Agong, Persatuan Perkumpulan Perempuan, Cabang Sungai Pinang dalam meshuarat agong-nya pada malam Sabtu yang lalu.

UJIAN NUKLEAR

GENEVA. — Sweden telah menchadangkan dalam persidangan perluchutan senjata di-Geneva supaya segala ujian nuklear di-tamatkan pada 1 Januari, 1963.

Menurut sumbar persidangan tersebut chadangan Sweden itu telah di-terima sechra berhati2 oleh kuasa2 nuklear.

Dalam pertemuan tersebut, Inche MacInnes berkata bahawa beliau akan menemui lebeh daripada 100 orang guru2 bahasa Inggeris yang terlatah di-Singapura dan di-Kuala Lumpur bersama2 dengan anggota2 Surohan Jaya Perkhidmatan Awam Negeri Brunei yang telah berlepas kasana terlebeh dahulu daripadanya.

DI-KEHENDAKI

Selanjut-nya Pemangku Pegawai Pelajaran Negara itu menegaskan bahawa sebab pun yang banyak lagi guru bahasa Inggeris yang terlatah dari luar negeri di-kehendaki untuk mengajar di-negeri ini ia-lah kerana beberapa orang guru bahasa Inggeris dari Singapura, Persekutuan Tanah Melayu dan India akan balek ka-negeri masing2 sa-telah tamat perkhidmatan masing2 dengan Kerajaan Brunei.

Satu lagi sebab yang banyak guru bahasa Inggeris yang terlatah dari luar negeri di-kehendaki untuk mengajar di-negeri ini ia-lah untuk meluaskan lagi ranchangan pelajaran Negeri

Inche MacInnes telah berlepas ka-Singapura dan ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada pagi 27 November untuk memilih guru2 yang baharu itu.

Beliau telah memberitahu kepada wartawan kita sa-jurus sabelum beliau berlepas ka-Singapura dan ka-Persekutuan Tanah Melayu pada pagi 27 November dengan kapal terbang.

P.M. Peranchis

PARIS. — Presiden De Gaulle telah melantek Inche George Pompidou sabagai Perdana Menteri Peranchis yang baharu.

Lantekan Inche Pompidou ini ada-lah berikutan dengan kemenangan General De Gaulle dalam Pilihan Raya yang telah di-adakan baharu2 ini.

KA IPOH UNTUK BERLATEH URUSAN RUMAH TANGGA



Pemenang dermasiswa Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk latehan kursus urusan rumah tangga, di-Ipoh, bergambar bersama2 dengan pegawai2 dari jabatan tersebut dan Yang Dipertua Persatuan Perempuan, Brunei, Puan Rogayah (tengah), sa-belum berlepas dari Brunei pada 28 November lepas. Berdiri dari kiri ia-lah: Abang Abu Hanifah, Puan Siti Hawa, Puan Rogayah, Puan Salmah dan Yang Berhormat Inche H.M. Salleh. (Berita penoh di-siarkan di-muka 6).



Ini-lah satu pemandangan Kampong Ayer, Brunei.

Murid Berumur 100 Tahun

KUALA KANGSAR. — Mungkin murid yang paling tua sekali yang sekarang belajar di-darjah2 dewasa di-Persekutuan Tanah Melayu ia-lah Nenek Alang Khatijah binti Mat Yet di-Kampung Beralah, Kuala Kangsar.

Umur Nenek Khatijah ia-lah 100 tahun. Teman Nenek Khatijah yang sama2 belajar di-darjah dewasa itu ia-lah Alang Bidah binti Kulub Ma'asum yang berumur 70 tahun. Demikian menurut akhbar Berita Harian.

MALAYSIA

KUALA LUMPUR. — Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tun Abdul Razak bin Hussain perchaya bahawa ada kemungkinan persatuan penoh akan terchapai mengenai Persekutuan Melayu Raya yang baharu ini sa-belum Hari Krismas tahun ini, ia-itu 25 Disember.

Berchapak kepada para wartawan sakembali-nya dari Sidang Jawatan Kuasa Antara Kerajaan Melayu Raya, Tun Razak berkata bahawa sidang itu telah membuat kemajuan yang baik.

Tun Razak berharap bahawa Sidang Jawatan Kuasa yang akan datang ini pada 18 Disember di-Kuala Lumpur akan merupakan sidang yang penghabisan.

Jawatan Kuasa tersebut adalah mengandongi wakil2 dari Kerajaan Inggeris dan Malaya serta juga wakil2 dari Sabah dan Sarawak.

Lapangan Terbang

BANGKOK. — Sa-buah lapangan terbang antara-bangsa yang baharu akan di-bena oleh Kerajaan Thai.

Ini-lah lapangan terbang yang ke-dua di-ibu kota Negeri Thai.

Sebab pun yang sa-buah lapangan terbang yang baharu itu akan di-bena ia-lah kerana lapangan terbang Don Muang yang ada sekarang ini tidak mencukupi menjelang tahun 1965.

Sidang Pandu Puteri

KUALA LUMPUR. — Lebeh daripada 40 orang wakil dari 15 buah negara akan menghadhiri Persidangan Ketua2 Pandu Puteri dari Kawasan Asia di-Kuala Lumpur pada hari Juma'at hadapan.

Pengasas Pandu Puteri Sadiunia, Lady Baden Powell dijangka akan menghadhiri persidangan itu yang akan mengambil masa sa-lama 10 hari.